

02 MAY 1998

MENTERI JEPUN TIBA UNTUK BINCANG KRISIS EKONOMI

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Menteri Luar Jepun, Keizo Obuchi tiba di sini malam ini untuk berunding dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai peranan Jepun dalam menangani krisis ekonomi di Asia.

Obuchi yang diiringi oleh delegasi 26 anggota mengandungi pegawai-pegawai pelbagai kementerian termasuk perdagangan dan kewangan tiba dari Bangkok untuk lawatan julung kali ke Malaysia sejak dilantik ke jawatan itu September lepas.

Selain Dr Mahathir, beliau juga dijadualkan mengadakan pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan rakan sejawatannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Obuchi akan berlepas ke Singapura pada hari Rabu.

-- BERNAMA

MAM oba